



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN
Tel: 09-7787636 Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN PASAR TANI BACHOK BAGI TAHUN 2024

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 14 November 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak kutipan hasil Kepala Bakul Pasar Tani Bachok bagi tempoh 01 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM3,000.00 setahun.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak **RM500.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil **MAJLIS DAERAH BACHOK**.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah dituliskan "TAWARAN PAJAKAN PASAR TANI BACHOK BAGI TAHUN 2024" dan hendaklah di alamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari** pada **29 November 2023 (Rabu)** bersamaan **15 Jawadil Awal 1445H**.


4. Selain dari bayaran pajakan, pemajak dikenakan bayaran wang pertaruhan kebersihan sebanyak RM 1,000.00. Bayaran ini hendaklah dijelaskan bersekali deposit pajakan dan akan dikembalikan kepada pemajak sekiranya Yang Dipertua berpuashati dengan keadaan kebersihan pasar.
5. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit tambahan sebanyak 3 bulan kadar pajakan dan setem surat perjanjian dalam tempoh 7 hari selepas diberitahu. Jika penawar gagal berbuat demikian tawaran pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis lagi.

6. Kos bagi kerja-kerja membersihkan kawasan Pasar Tani adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskannya.
7. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum **7 haribulan** pada setiap bulan, jika pemajak gagal berbuat demikian pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
8. Pemajak akan diberi surat kebenaran untuk membolehkannya mengutip hasil dari para peniaga dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok jika ia hendak membatalkan pajakan.
10. Pihak majlis tidak terikat dengan mana-mana tawaran sama ada yang tertinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad, sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah


(**MOHD EZZATE BIN MOHD EMBONG**)
Setiausaha,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
b.p : Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 14 November 2023